DICURAHKAN!

HARI 4— Bersatulah dengan Rendah Hati dalam Fikiran Kristus
Kisah Para Rasul 1:12-14

Masa Bersendirian dengan Tuhan

Doa

Terokai Firman

1. Baca Kisah Para Rasul 1:12–14. Dalam senarai mereka yang berada di bilik atas, siapakah yang paling mengejutkan anda? Mengapa?
2. Baca Roma 3:23. Bagaimanakah kebenaran ini menyeru kita semua untuk rendahkan hati dalam cara kita memandang satu sama lain?

Penjelasan daripada Ellen White:
Sementara para murid menunggu penggenapan janji itu, mereka merendahkan hati mereka dalam pertaubatan yang sejati dan mengakui ketidakpercayaan mereka. Ketika mereka mengingat kembali kata-kata yang telah diucapkan Kristus kepada mereka sebelum kematian-Nya, mereka lebih memahami maksudnya. Kebenaran yang telah dilupakan dari ingatan mereka kembali, dan mereka katakan kepada satu sama lain. Mereka menegur diri mereka sendiri kerana menyalah fahami tentang Juruselamat. Seperti perarakan, peristiwa demi peristiwa kehidupan-Nya yang menakjubkan terlintas di fikiran mereka. Ketika mereka merenungkan kehidupan-Nya yang sejati dan suci, mereka merasakan bahawa tiada kerja yang terlalu sukar, tiada pengorbanan yang terlalu besar, asalkan mereka dapat memberi kesaksian dalam hidup mereka tentang keindahan watak Kristus. Oh, sekiranya mereka dapat menjalani semula tiga tahun yang lalu, mereka berfikir, betapa berbezanya mereka akan bertindak! Sekiranya mereka dapat melihat Guru sekali lagi, betapa bersungguh-sungguh mereka akan berusaha untuk menunjukkan kepada-Nya betapa dalamnya mereka mengasihi-Nya, dan betapa tulusnya mereka bersedih kerana pernah mendukacitakan-Nya dengan sepatah kata atau tindakan ketidakpercayaan! Tetapi mereka dihiburkan oleh pemikiran bahawa mereka telah diampuni. Dan mereka bertekad bahawa, setakat yang mungkin, mereka akan menebus ketidakpercayaan mereka dengan berani mengakui-Nya di hadapan dunia. (*The Acts of the Apostles*, ms. 36)

Fokus Doa
Berdoalah agar tiada apa-apa yang menghalang anda untuk menghargai dan berterima kasih dengan keluarga, sahabat-sahabat, dan keluarga gereja anda.

Lingkaran Keluarga/Sahabat

Aktiviti yang Menghubungkan
Bersama keluarga/sahabat-sahabat anda, bentuk bulatan dengan membelakangi antara satu sama lain. Tanya, “Dalam bulatan ini, sikap apakah yang paling menarik kita diantara satu sama lain?” Ambil satu jawapan daripada setiap orang dalam bulatan. Apabila mereka menjawab, jemput mereka untuk berpaling menghadap bulatan—sehingga semua berhadapan antara satu sama lain.

Doa untuk Roh Kudus

Terokai Firman
Baca Filipi 2:5–8. Apakah maksudnya untuk mempunyai fikiran dan sikap Kristus? Bagaimanakah ini harus mempengaruhi cara kita melayan satu sama lain dalam lingkungan keluarga dan persahabatan kita?

Penjelasan daripada Ellen White:
Hari-hari persediaan ini adalah hari-hari pencarian hati yang mendalam. Para murid Yesus merasakan keperluan rohani mereka dan berseru kepada Tuhan untuk urapan suci yang akan melayakkan mereka bagi pekerjaan penyelamatan jiwa. Mereka tidak meminta berkat untuk diri mereka sendiri. Mereka dibebani dengan beban keselamatan jiwa. Mereka menyedari bahawa injil harus dibawa ke dunia, dan mereka menuntut kuasa yang telah dijanjikan Kristus. (*The Acts of the Apostles,* ms. 37)

Fokus Doa
Berdoalah untuk minda dan sikap Yesus Kristus. Berdoalah untuk memiliki kerendahan hati Yesus dalam berinteraksi dengan setiap orang dalam lingkungan keluarga dan sahabat-sahabat anda.

Keluarga Gereja

Selamat datang

Ibadah dalam Doa
PEMIMPIN KEPADA SEMUA: Duduk bersama kumpulan kecil anda. Pasukan berdoa kami akan menjemput kumpulan kecil anda untuk berdoa melalui Firman Tuhan bersama-sama. Selepas berdoa selama beberapa minit, anda akan mendengar pasukan berdoa mula menyanyikan satu rangkap sebuah lagu. Apabila ini berlaku, sila beralih daripada berdoa kepada bernyanyi.

Bersyukur:
1. (KUMPULAN KECIL) Baca Matius 11:28, 29. Doakan doa kesyukuran untuk hati Yesus yang lemah lembut dan rendah hati.
2. (SEMUA) Nyanyikan lagu tentang kesyukuran.

Pertaubatan:
1. (KUMPULAN KECIL) Baca Matius 11:29, yang mengatakan bahawa Yesus bersikap rendah hati. Berdoalah untuk kerendahan hati seperti Yesus untuk mengatasi kesombongan di hati anda. Akuilah kesombongan anda dan mintalah hati seperti Yesus.
2. (SEMUA) Nyanyikan lagu tentang pertaubatan.

Permintaan:
1. (KUMPULAN KECIL) Baca Matius 11:30, di mana Yesus memberi kesaksian bahawa kuk-Nya mudah dan ringan. Kuasa Roh Kuduslah yang menjadikan kuk Yesus ringan bagi kita semua. Mintalah Roh Kudus untuk memberkati Firman dan memberikan rehat-Nya kepada setiap orang.
2. (SEMUA) Nyanyikan lagu tentang Roh Kudus.

Berkongsi
(KUMPULAN KECIL)
Berdua atau bertiga dalam kumpulan kecil anda. Tanya dan jawab: “Apakah yang Tuhan bantu anda lakukan melalui Cabaran 24 Jam semalam?”

(Cabaran 24 Jam Semalam: Tanyakan kepada Tuhan, “Apakah yang perlu Engkau lakukan dalam hubunganku dengan Yesus agar saya bersedia untuk bertemu dengan-Nya secara peribadi apabila Dia datang?” Bukalah hatimu untuk apa sahaja yang Tuhan ingin lakukan dalam dirimu. Jika Dia memberi anda inspirasi untuk melakukan sesuatu, ambillah langkah itu dalam hubunganmu dengan-Nya. Baca Kisah Para Rasul 1:12–14 sebagai persediaan untuk hari esok.)

Aktiviti yang Menghubungkan
PEMIMPIN KEPADA SEMUA: Berdiri dalam bulatan bersama kumpulan kecil anda. Minta setiap orang dalam kumpulan anda untuk berkongsi ilustrasi terbaik yang mereka boleh fikirkan untuk perkataan "PERPADUAN."

Ibadah dalam Firman
(KUMPULAN KECIL)
1. Baca Kisah Para Rasul 1:12–14. Siapakah orang yang disenaraikan di bilik atas yang mungkin telah menyebabkan keraguan dan kebimbangan? Mengapa?
2. Baca Yohanes 17:20–23. Apakah yang Yesus minta daripada Tuhan Bapa untuk lakukan bagi kita semua sebagai pengikut-Nya?
3. Baca Efesus 4:30–32. Sejauh manakah kita harus saling mengampuni?

Penjelasan daripada Ellen White:
Para murid berdoa dengan bersungguh-sungguh agar mereka bersedia untuk bertemu dengan manusia dan dapat mengucapkan kata-kata yang akan menuntun orang berdosa kepada Kristus dalam pergaulan seharian mereka. Menyingkirkan semua perbezaan dan semua keinginan untuk keunggulan, mereka bersatu dalam persekutuan Kristian. (*The Acts of the Apostles*, ms. 37)

Fokus Doa
PEMIMPIN KEPADA SEMUA: Bersama kumpulan kecil anda, berdoalah untuk kerendahan hati seperti Yesus dalam cara kita memandang dan melayan satu sama lain.

Panggilan
PEMIMPIN KEPADA SEMUA: Siapa di sini pada malam ini yang memerlukan hati seperti Yesus untuk mengampuni dan menemukan kesatuan sepenuhnya dengan semua anggota di dalam gereja? Saya menjemput anda untuk tampil ke hadapan ketika kita berdoa agar Tuhan melakukan mukjizat pada hati kita.

Cabaran 24 Jam
Tanyakan kepada Tuhan, siapakah orang dalam hidup anda yang paling memerlukan kasih, kebaikan, rasa hormat, atau pengampunan anda. Ikutlah pimpinan Roh Kudus dalam mendekati orang itu. Baca Kisah Para Rasul 1:4, 5 sebagai persediaan untuk hari esok.